

19 MAY 1999

Ting-Rumah

SEMUA NEGERI PERLU KEMUKA LAPORAN PENUH PERUMAHAN KOS RENDAH

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah diarah mengemukakan laporan penuh mengenai kemajuan pelaksanaan perumahan kos rendah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada setiap dua minggu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata arahan itu dikeluarkan melalui surat yang ditulis sendiri oleh Dr Mahathir kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, pada bulan lepas.

Katanya surat Perdana Menteri itu meminta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri memberi perhatian sepenuhnya kepada pelaksanaan semua jenis perumahan kos rendah dan memastikan ia dilaksanakan dengan segera dan lancar.

"Kerajaan cukup mengambil berat mengenai pembinaan rumah kos rendah sama ada untuk dijual atau disewakan.

"Selain daripada beberapa rancangan (perumahan kos rendah) yang sedang dilaksanakan, Perdana Menteri sendiri mengambil berat tentang pelaksanaan perumahan kos rendah dan menghendaki laporan penuh itu pada setiap dua minggu sekali," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Ditanya sama ada arahan Perdana Menteri itu adalah disebabkan beliau tidak berpuas hati dengan prestasi pembinaan rumah kos rendah, Dr Ting berkata tujuan arahan itu adalah untuk memastikan pelaksanaan perumahan kos rendah kerana pelaksanaannya yang menggunakan 100 peratus bahan binaan tempatan akan memesatkan lagi proses pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata kerajaan sedang melaksanakan 35,000 unit rumah kos rendah di Kuala Lumpur melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu, yang bernilai RM1.45 bilion bagi tujuan disewakan kepada golongan berpendapatan rendah serta penduduk setinggan.

Daripada jumlah itu, sebanyak 12,036 unit rumah sedang dilaksanakan manakala bakinya sedang dalam proses tender.

Ting berkata sejak tahun 1995, sebanyak 10,673 unit daripada 14,745 unit rumah di bawah 27 projek PPR yang dilaksanakan telah siap dibina dan diduduki. Projek PPR itu dilaksanakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak dan Johor.

Projek PPR yang lain masih dalam pelbagai peringkat pembinaan, katanya.

Beliau berkata kadar sewa yang dikenakan ialah RM124 di Kuala Lumpur dan RM100 di Pulau Pinang, Perak dan Johor.

PPR ialah projek kemudahan perumahan secara peralihan untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah di bawah RM750 dan setinggan bagi tempoh maksimum lima tahun, satu jangka masa yang membolehkan keluarga berkenaan memperbaiki kedudukan ekonominya dan membeli rumah kos rendah.

Ting berkata bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sasaran pembinaan rumah kos rendah ialah 235,000 unit dan pencapaian pelaksanaannya bagi tempoh 1996 hingga 1998 ialah 102,624 unit rumah di seluruh negara.

-- BERNAMA

HS NMO